

**PENERAPAN KBAT DALAM PROSES PDPC PENULISAN  
KARANGAN BAHASA MELAYU SPM**

\*Bong Nyuk Phin<sup>1</sup>

Zuraini Seruji<sup>2</sup>

Roslan Haji Ali<sup>2</sup>

[1] Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang, Sarawak

[2] Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

\*epinbong@gmail.com

**Abstract:** This research was conducted to explore the students' ability to use High Order Thinking Skills (HOTs) in teaching and facilitating SPM Bahasa Melayu essay writing. Four Bahasa Melayu teachers who teach Form 4 and 5 were chosen as the samples for this research. This research was done in one secondary IB school (International Baccalaureate) in Samarahan Division, Sarawak. The research objective is to determine how a teacher uses HOTs in the pre-teaching and facilitating, during teaching and facilitating and post-teaching and facilitating in SPM Bahasa Melayu essay writing. Data was collected by interviewing and analysing the documents that involved the students' work. The data was analysed thematically to get the relevant themes to answer the research question. The three themes obtained to answer the research question were (i) Pre-teaching and facilitating in SPM Bahasa Melayu essay writing based on HOTs, (ii) during teaching and facilitating in SPM Bahasa Melayu essay writing based on HOTs, and (iii) post-teaching and facilitating in SPM Bahasa Melayu essay writing based on HOTs. The research finding showed that in teaching and facilitating, the SPM essay writing process based on Hots was used in pre-teaching and facilitating, during teaching and facilitating and post-teaching and facilitating. The implementation of HOTs procedure in learning and facilitating Bahasa Melayu essay writing, which was formed based on the outcome of this research, can be used by Bahasa Melayu teachers as guidelines in teaching essay writing.

**Keywords:** High Order Thinking Skills, learning, facilitating, writing, essay.

## PENGENALAN

Seiring dengan perkembangan sistem pendidikan negara pada abad ke-21, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) telah menjadi suatu elemen yang amat penting dalam merealisasikan transformasi pendidikan negara. Konsep KBAT telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2013 sebagai kesinambungan daripada pelaksanaan konsep Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) yang diperkenalkan pada tahun 1994. Kemahiran berfikir menjadi agenda yang penting dalam pembangunan pendidikan negara sebagai landasan untuk melahirkan generasi pelapis negara yang berdaya saing dalam pelbagai sektor global. Kepentingan menerapkan KBAT dalam kurikulum untuk melahirkan murid yang berdaya fikir tinggi turut ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Hal ini dapat dibuktikan dengan pernyataan yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025:

Setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif yang penting iaitu pemikiran kreatif dan inovatif yang merujuk kepada kemampuan menginovasi, menjana kemungkinan baharu, dan mencipta idea atau pengetahuan baharu. Murid juga perlu menguasai pemikiran kritis dan penaakulan yang merangkumi keupayaan menganalisis maklumat, menjangka masalah dan mendekati isu secara kritis, logik, induktif dan deduktif bagi mencari penyelesaian, dan akhirnya membuat keputusan. Murid juga harus menguasai keupayaan belajar, iaitu keupayaan memacu pembelajaran sendiri dengan kemampuan menghargai nilai pembelajaran sepanjang hayat (KPM, 2013).

Sistem pendidikan bahasa Melayu juga menekankan penerapan kemahiran berfikir sebagai suatu elemen yang mampu menjana pemikiran murid ke arah mencapai kejayaan dalam pelajaran mereka. Dalam konteks ini, guru bahasa Melayu perlu memainkan peranan sebagai penggerak pemikiran murid bagi memastikan KBAT dapat dikuasai untuk meningkatkan keupayaan belajar bahasa mereka. Hal ini kerana, melalui KBAT, murid dapat mengawal, menentukan arah, dan mengukur kemajuan pelajaran mereka (Yahya Othman, 2014). Bagi

menjayakan matlamat pendidikan ini, guru-guru perlu memiliki dan menguasai kekuatan ilmu dan intelek yang tinggi, penguasaan kemahiran profesional yang mantap malah diperkasakan dengan penguasaan kemahiran dan teknologi baharu, penghayatan nilai dan etika keguruan, dan kekuatan peribadi serta sahsiah yang terpuji yang selaras dengan hasrat negara (Marzni, 2018).

## PERNYATAAN MASALAH

Penguasaan kemahiran menulis karangan murid dipengaruhi oleh PdPc yang dilaksanakan oleh guru di dalam bilik darjah. Guru yang mempunyai kompetensi daripada segi ilmu pengetahuan, kemahiran, dan pelaksanaan pengajaran karangan mampu membantu murid untuk menguasai kemahiran menulis karangan dengan baik. Penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan merupakan suatu elemen yang sangat penting dalam pendidikan abad ke-21. Dalam hal ini, guru memainkan peranan yang amat penting untuk membentuk murid yang mampu menguasai kemahiran berfikir dan menghasilkan penulisan karangan yang baik. Namun, beberapa kajian menunjukkan kompetensi guru daripada segi pemahaman, pengetahuan, dan pelaksanaan penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan masih pada tahap sederhana.

Dalam kajian yang melibatkan pemahaman dan pengetahuan guru berkaitan penerapan KBAT dalam PdPc, tahap kompetensi guru didapati berada pada tahap sederhana (Nor Hasmaliza Hasan & Zamri Mahamod, 2016). Hasil kajian tersebut menunjukkan 95.6% daripada 226 orang guru bahasa Melayu tidak bersetuju bahawa kursus yang dihadiri oleh mereka memberikan kefahaman yang baik tentang KBAT. Guru bahasa Melayu berpendapat bahawa mereka perlu didedahkan secara meluas dan mendalam tentang konsep KBAT seperti aspek pengendalian KBAT di dalam bilik darjah. Kajian tersebut juga mendapati bahawa guru mencadangkan agar mereka diberi pendedahan secara mendalam berkaitan pengajaran KBAT dengan berpandukan modul-modul atau bahan-bahan mengajar yang mudah dikendalikan.

Kajian tentang kompetensi guru bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi juga mendapati tahap pemahaman dan pengetahuan guru terhadap KBAT berada pada tahap sederhana (Hasnah Isnon & Jamaludin Badusah, 2016). Hasil kajian menunjukkan, guru bahasa Melayu mempunyai pemahaman yang agak rendah daripada segi konsep CoRT oleh De Bono. Pemahaman mengenai konsep KBAT amat penting dikuasai oleh guru kerana faktor ini boleh mempengaruhi keberkesan pengajaran mereka. Hasil kajian daripada aspek sikap pula menunjukkan, guru mempunyai kesedaran tentang keperluan mengikut latihan berterusan dalam bidang pengajaran KBAT supaya menjadi guru yang berkesan. Mereka juga bersedia mengikuti latihan berterusan dan profesional dalam pelaksanaan KBAT.

Lai et al. (2017) telah menjalankan kajian tentang amalan guru bahasa Melayu dalam pengajaran karangan daripada aspek KBKK serta pembelajaran kolaboratif. Kajian tersebut dijalankan untuk mengenal pasti strategi, pendekatan, kaedah, dan teknik yang digunakan oleh guru bahasa Melayu dalam pengajaran karangan berdasarkan KBKK. Kajian turut meninjau kaedah pembelajaran kolaboratif yang diaplikasikan dalam pengajaran karangan bahasa Melayu. Dapatkan kajian menunjukkan strategi pengajaran guru masih memperlihatkan bentuk konvensional, iaitu lebih berpusatkan guru. Mereka didapati masih mendominasi kebanyakan aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti membekalkan bahan atau maklumat kepada murid, menetapkan isi karangan, serta menyediakan kerangka karangan kepada murid. Murid yang lemah pula dibekalkan karangan contoh untuk dihafal bagi menghadapi peperiksaan. Pembelajaran kolaboratif juga jarang diaplikasikan oleh guru kerana kekangan masa. Corak PdP ini telah mengikis kemahiran berfikir murid.

Daripada segi tahap kesediaan guru dalam menerapkan KBAT dalam PdPc mata pelajaran bahasa Melayu, didapati guru bahasa Melayu masih belum bersedia sepenuhnya dalam menerapkan KBAT kerana mereka kurang mendapat pendedahan tentang cara pengajaran yang betul berasaskan KBAT (Farah Aziana Abdul Aziz & Fadzilah Abd Rahman, 2018). Guru-guru tidak diberikan kursus dan latihan sepatutnya untuk memperkenalkan mereka kepada KBAT. Hal ini menyumbang kepada ketidaksediaan guru dalam melaksanakan KBAT disebabkan pengetahuan pedagogi yang cetek (Wan Nor Shairah Sharuji & Norazah Mohd Nordin, 2017). Kajian kesediaan guru dalam pelaksanaan KBAT dalam PdPc abad ke-21 juga mendapati guru masih mempunyai pemahaman yang kurang lengkap tentang KBAT dalam kurikulum pendidikan Malaysia. Pemahaman guru tentang KBAT didapati sangat umum dan keadaan ini menyebabkan guru masih belum mempunyai kesediaan penuh dalam melaksanakan KBAT dalam pembelajaran abad ke-21. (Bernard Tahim Bael et al., 2021).

Kajian tentang persepsi guru bahasa Melayu terhadap KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran juga menunjukkan pemahaman guru terhadap KBAT adalah pada tahap sederhana. (Syazana Sahari & Zamri Mahamod, 2018). Guru-guru bahasa Melayu kebanyakannya masih kurang memahami sepenuhnya tentang KBAT. Oleh itu, mereka tidak dapat memastikan pengajaran mereka yang berdasarkan KBAT menepati objektif sebenar elemen tersebut.

Setelah meneliti permasalahan yang berkaitan dengan pemahaman, pengetahuan, tahap kesediaan, dan pelaksanaan penerapan KBAT di dalam bilik darjah, timbul persoalan tentang bagaimana guru bahasa Melayu melaksanakan penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan. Oleh hal yang demikian, adalah penting dan relevan kajian penerapan elemen KBAT dalam penulisan karangan Bahasa Melayu SPM dilaksanakan oleh pengkaji untuk meneroka situasi sebenar PdPc penulisan karangan di sekolah menengah.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk meneliti proses penerapan KBAT dalam PdPc karangan Bahasa Melayu SPM.

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

- i. Meneroka penerapan KBAT dalam proses pra-PdPc, semasa PdPc dan pasca-PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM.

## PERSOALAN KAJIAN

Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan berikut:

- i. Bagaimakah guru menerapkan KBAT dalam proses pra-PdPc, semasa PdPc dan pasca-PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM?

## KERANGKA KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teori yang berkaitan untuk mereka bentuk kajian, menjalankan prosedur menganalisis data, dan menginterpretasi hasil kajian. Satu teori berfikir dan satu model proses mengarang yang relevan dengan tujuan kajian digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Teori berfikir yang digunakan ialah Hierarki Aras Berfikir (BPK, 2014), manakala model mengarang yang dijadikan rujukan dalam kajian ialah Model Proses Mengarang Flower dan Hayes (1981).

Hierarki Aras Berfikir mempunyai enam kemahiran aras berfikir, iaitu dua kemahiran aras berfikir rendah dan empat kemahiran aras berfikir tinggi. Kemahiran aras berfikir rendah ialah aras mengingat dan memahami, manakala kemahiran aras berfikir tinggi ialah aras mengaplikasi, menganalisis, menilai, dan mencipta.

Kemahiran aras berfikir rendah, iaitu aras mengingat, merupakan tindakan mental yang digunakan untuk mengingat semula maklumat, fakta, atau konsep dengan mengecam, mengulang, menyenaraikan, mengenal pasti, menamakan, menyatakan, dan memberitahu. Kemahiran aras berfikir rendah yang lain, iaitu aras memahami, ialah tindakan mental untuk mengingati semula maklumat dan boleh menjelaskan idea dan konsep dengan tindakan menjelaskan, memberi contoh, meringaskhan, menterjemah, memilih, dan menerangkan (LPM, 2013).

Kemahiran aras berfikir tinggi, iaitu aras mengaplikasi, merupakan tindakan mental dalam menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu dengan menunjukkan, menyesuaikan, menggunakan, menggambarkan, membina, melengkapkan, memeriksa, mengelaskan, menunjuk cara, melukis, melakar, meramal, menyediakan, menghasilkan, menggunakan pakai, melaksana, dan melakonkan (LPM, 2013).

Kemahiran aras berfikir tinggi menganalisis ialah tindakan mental yang digunakan untuk mencerakinkan maklumat kepada komponen-komponen untuk memahami struktur organisasinya. Ia juga melibatkan perhubungan antara komponen, membanding beza, mengurus, menyelesaikan masalah, menghuraikan, memberi sebab,

menganalisis, menghubung kait, memisahkan, membincangkan, mengecam, mengilustrasi, menggariskan, membuat pilihan dan mengenal pasti (LPM, 2013).

Kemahiran aras berfikir tinggi menilai ialah tindakan mental yang digunakan untuk membuat pertimbangan berdasarkan kriteria yang spesifik, mengkritik, membuat hipotesis, memberi hujah atau pendapat, membuat keputusan, membuat ulasan, membuat rumusan, membuat kesimpulan, membuat laporan, mempertahankan, menjelaskan, membuat penerangan, mentafsir, membuat justifikasi, menyokong, mendefinisi, dan membuat sesuatu penilaian berdasarkan ciri dan faktor (LPM, 2013).

Kemahiran aras berfikir tinggi mencipta ialah tindakan mental yang digunakan menghubungkan idea, komponen dengan menggunakan pemikiran yang kreatif untuk menghasilkan idea, struktur baharu atau pola baharu melalui penjanaan idea, perancangan, atau penghasilan produk baharu. Kata kunci yang digunakan dalam tugasan bagi aras berfikir ini termasuklah mencipta, mengubah, merancang, membina, menjana, menyediakan, menyusun semula, menggabungkan, memasang, merumuskan, menghasilkan, mereka bentuk, dan melakar (LPM, 2013).

Rajah 1.

*Hierarki Aras Berfikir BPK 2014*




Model penulisan yang dicadangkan oleh Flower dan Hayes (1981) telah memberikan kesan yang amat penting dalam penyelidikan penulisan. Model ini membekalkan satu asas teoretikal bagi banyak kajian yang dijalankan terhadap proses mengarang (Marohaini, 2014). Model Proses Mengarang Flower dan Hayes merupakan suatu model kognitif proses mengarang yang terbentuk daripada tiga bahagian utama, iaitu tugasan, ingatan jangka panjang penulis, dan proses menulis. Tugasan meliputi tajuk, khalayak pembaca, dan tujuan penulisan. Ingatan jangka panjang penulis pula meliputi semua pengetahuan penulisan yang tersimpan, khalayak pembaca, dan berbagai-bagi rancangan penulisan yang digunakan oleh penulis semasa mengarang (Marohaini, 2014). Proses penulisan merangkumi perancangan, penterjemahan, dan penelitian. Pergerakan daripada satu proses kepada proses yang berkait dengan ketiga-tiga aspek dalam proses penulisan ini dikawal oleh sebuah monitor yang bertindak untuk menentukan proses atau cebisan pengetahuan yang digunakan dan masa digunakan.

Model proses mengarang ini menjelaskan penulisan yang bermula daripada ingatan jangka panjang penulis, iaitu ilmu pengetahuan sedia ada dan rancangan penulisan. Dalam aspek ini, penulis akan membuat pelbagai perancangan dan menggunakan ilmu pengetahuannya tentang topik yang akan ditulis untuk menghasilkan penulisannya. Selepas membuat perancangan penulisan dan memperoleh ilmu yang berkaitan dengan topik yang akan ditulis, penulis akan beralih kepada proses penulisan. Proses penulisan dimulakan dengan proses perancangan penulisan yang merangkumi subproses menjana idea. Dalam proses menjana idea, penulis akan mencari idea dan melahirkan idea tentang apa yang hendak ditulis (Shahlan & Saemah, 2017). Selepas menjana


idea, penulis akan mengorganisasi idea-idea tersebut dengan memilih dan menyusun idea-idea yang relevan untuk proses seterusnya. Selepas mengorganisasi idea, penulis akan beralih ke proses penterjemahan. Proses tersebut berlaku apabila idea-idea yang telah dipilih akan ditulis dalam bentuk patah perkataan, frasa, dan ayat. Penterjemahan dalam konteks ini merujuk kepada penulisan karangan yang lengkap. Selepas proses penterjemahan, penulis akan beralih kepada proses penelitian. Dalam proses penelitian, penulis akan menyemak semula karangan yang telah ditulis dan membuat penilaian. Penulis boleh mengubah dan membetulkan apa-apa perkara yang terkandung dalam karangan yang telah ditulis. Rajah berikut menjelaskan proses-proses penulisan yang penting dalam Model Proses Mengarang Flower dan Hayes (1981).

Rajah 2.  
Model Proses Mengarang Flower dan Hayes (1981)



Kerangka konseptual kajian menunjukkan rangkaian dan kaitan antara proses PdPc penulisan karangan yang melibatkan penggunaan model penulisan, PdPc KBAT yang merangkumi teori KBAT, tahap berfikir, alat berfikir, dan bahan pengajaran yang menjadi isu kajian. Melalui kerangka konsep ini, penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM dilihat saling melengkap.

Rajah 3.

*Kerangka Konseptual Kajian*

## METODOLOGI KAJIAN

### *Reka Bentuk Kajian*

Reka bentuk penyelidikan kualitatif dipilih untuk digunakan dalam melaksanakan kajian ini. Penyelidikan kualitatif merupakan penyelidikan yang memberikan perhatian kepada konteks sosial dan budaya yang menjurus kepada aspek pendapat, pengalaman, dan pemahaman manusia secara mendalam dan bukannya setakat usaha untuk menghubung kait antara pemboleh ubah semata-mata (Denzin & Lincoln, 2008). Penyelidikan kualitatif juga memudahkan pengkaji untuk menghuraikan pengalaman, tingkah laku, emosi, perasaan, dan interaksi antara manusia (Noriah Mohd Ishak et al., 2010). Menerusi reka bentuk penyelidikan kualitatif, proses penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM yang dilaksanakan di dalam bilik darjah dapat difahami secara menyeluruh. Pemilihan reka bentuk penyelidikan kualitatif dalam kajian ini juga relevan bersandarkan persoalan kajian yang meneroka pelaksanaan penerapan KBAT dalam PdPc di sekolah.

Kajian kes dipilih sebagai pendekatan yang dapat membantu pengkaji untuk mendalami fokus kajian, iaitu kaedah penerapan KBAT dalam proses PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM. Dalam kajian ini, pengkaji mengumpul data daripada pelbagai sumber untuk dianalisis agar dapat memberikan penjelasan yang menyeluruh tentang penerapan KBAT yang dilakukan oleh guru bahasa Melayu dalam PdPc penulisan karangan dalam situasi sebenar, iaitu di dalam bilik darjah.

[30]

### Pemilihan Peserta Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji memilih persampelan yang bertujuan untuk mendapatkan data yang banyak dan relevan dengan skop kajian. Persampelan bertujuan merujuk kepada pemilihan yang disengajakan oleh pengkaji terhadap individu-individu khusus, kejadian, atau persekitaran berdasarkan maklumat penting yang boleh diberikan oleh mereka tetapi tidak boleh didapat sebaiknya daripada saluran-saluran lain (Liamputong & Ezzy, 2009).

Peserta-peserta kajian yang dipilih dianggap sebagai pakar dalam proses pengajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu SPM di sekolah menengah kerana keempat-empat mereka berkhidmat di sebuah sekolah menengah perintis IB (*International Baccalaureate*) di Bahagian Samarahan, Sarawak yang amat menekankan pembelajaran inkuiri dalam PdPc. Pembelajaran inkuiri yang diimplementasikan dalam PdPc di sekolah berkenaan memberi fokus kepada pembudayaan kemahiran berfikir dalam kalangan murid. Empat peserta kajian dilibatkan secara sukarela bagi membekalkan data mengikut perspektif mereka berdasarkan pengalaman dan pengetahuan dalam usaha untuk meneroka pelaksanaan penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM.

### Prosedur Pengumpulan Data

Untuk mendapatkan gambaran yang jelas dan tepat tentang pelaksanaan penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM, pengkaji menggunakan dua teknik pengumpulan data: temu bual secara mendalam dan penganalisisan dokumen. Kedua-dua teknik ini dapat membantu pengkaji untuk meneroka fokus kajian.

Temu bual secara mendalam bertujuan untuk menerangkan maklumat kaya daripada perspektif individu tertentu dan tentang topik terpilih yang dikaji (Haliza & Shamsuddin, 2014). Teknik tersebut digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan tepat tentang penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM. Hal ini kerana penggunaan temu bual dalam kajian kualitatif dapat memberikan peluang terbaik kepada pengkaji untuk mendapatkan pengalaman sebenar yang dilalui oleh peserta kajian (Mazni, 2018). Pengkaji berpeluang untuk bertanya lebih lanjut tentang pernyataan yang dibuat semasa temu bual. Menerusi temu bual secara mendalam, pengkaji juga boleh mengemukakan soalan yang diubah suai mengikut reaksi peserta kajian.

Pelaksanaan temu bual secara mendalam ini dilakukan dengan berpandukan persoalan kajian yang perlu dijawab oleh keempat-empat peserta kajian. Semasa sesi temu bual, pengkaji menggunakan perakam suara untuk merakamkan semua hasil temu bual antara pengkaji dan peserta kajian. Langkah ini penting kerana rakaman temu bual dapat membantu pengkaji mengumpul, mengurus, dan menranskripsikan data. Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan satu sesi temu bual dengan setiap peserta kajian mengikut masa yang telah ditetapkan. Peserta kajian juga memberikan penjelasan secara bertulis untuk menjawab soalan-soalan temu bual dengan lebih terperinci. Selain sumber rakaman temu bual dengan peserta kajian, pengkaji juga menggunakan respons bertulis (RB) peserta kajian sebagai sumber data yang penting untuk meneroka pelaksanaan PdPc penulisan karangan di dalam bilik darjah.

Dokumen yang dianalisis dalam kajian ini ialah hasil kerja murid yang merangkumi peta minda, kerangka karangan, dan karangan lengkap Bahasa Melayu SPM yang dihasilkan oleh murid. Penelitian terhadap hasil kerja murid membolehkan pengkaji mendapatkan bukti untuk menjawab soalan kajian mengenai bagaimana penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM dilaksanakan.

### Penganalisisan Data

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan analisis tematik untuk menganalisis data yang diperoleh daripada temu bual dan dokumen. Clarke dan Braun (2013) mencadangkan penyelidik perlu membiasakan diri dengan semua data, termasuk data temu bual dan data lain yang digunakan. Pada peringkat permulaan ini, penyelidik perlu membaca data yang telah dikumpul berulang kali untuk mendapatkan pemahaman secara umum. Penyelidik juga perlu mencatatkan nota pandangan awal tentang data tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji telah membaca transkripsi temu bual dengan teliti dan membuat catatan pada data yang relevan dengan skop kajian agar mudah untuk dirujuk kembali apabila membuat pengekodan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pengekodan deskriptif dengan mengumpulkan semua kod pada peringkat awal, kemudian kod-kod tersebut diproses mengikut topik, dan akhirnya topik yang terhasil dikumpulkan untuk membentuk tema.

Pengkaji menganalisis peta minda yang dihasilkan oleh murid secara berkumpulan untuk meneroka penerapan KBAT yang berlaku semasa perbincangan. Selain itu, kerangka karangan yang dihasilkan oleh setiap kumpulan

dan karangan lengkap murid juga dianalisis untuk meneliti aspek bagaimana penerapan KBAT berlaku semasa murid mengorganisasi idea dan menulis karangan lengkap. Semasa menganalisis hasil kerja murid, pengkaji akan memberikan fokus kepada aspek membuat justifikasi terhadap penerapan KBAT mengikut aras kognitif murid ketika menghasilkan tugas-tugas tersebut. Penganalisisan dokumen yang melibatkan hasil kerja murid adalah penting untuk dijadikan bukti bagi penerapan KBAT dalam PdPc penulisan karangan bahasa Melayu. Hal ini disebabkan kebiasaan kaedah menggunakan analisis dokumen dipilih kerana mengandungi pelbagai maklumat dan boleh menerangkan beberapa isu berbentuk pembuktian yang berkaitan dengan populasi yang dikaji (Aizan et al., 2019).

## DAPATAN KAJIAN

### ***Penerapan KBAT yang Dilaksanakan oleh Guru dalam Proses PdPc Penulisan Karangan Bahasa Melayu SPM***

Persoalan kajian ini akan merungkai penerapan KBAT dalam proses PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM oleh empat responden iaitu Guru T, Guru M, Guru S, dan Guru L berdasarkan konteks sebenar PdPc di dalam kelas.

Hasil kutipan data digunakan untuk menjawab persoalan kajian berlandaskan tiga tema. Ketiga-tiga tema tersebut merangkumi: (i) penerapan KBAT dalam Pra-PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM, (ii) penerapan KBAT semasa PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM, dan (iii) penerapan KBAT dalam pasca-PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM. Dalam konteks kajian ini, proses PdPc penulisan karangan yang dilaksanakan oleh keempat-empat responden kajian akan dikupas bersandarkan Model Proses Mengarang daripada Flower dan Hayes (1981), manakala penerapan KBAT dalam proses PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM pula dijelaskan berdasarkan Hierarki Aras Berfikir Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2014), iaitu semakan Hierarki Taksonomi Bloom oleh Lori Anderson.

**Penerapan KBAT dalam Pra-PdPc Penulisan Karangan Bahasa Melayu SPM.** Dalam Model Proses Mengarang Flower dan Hayes (1981), salah satu perlakuan menulis yang dijelaskan ialah ingatan jangka panjang penulis yang meliputi aspek pengetahuan tentang tajuk, audiens, dan rancangan penulisan. Dalam kajian ini, proses Pra-PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM dijalankan berdasarkan aspek pengetahuan tentang tajuk dan rancangan penulisan dalam Model Flower dan Hayes (1981). Kedua-dua aspek ini memberi penekanan kepada pengetahuan penulis tentang sesuatu tajuk atau isu yang akan ditulis dan pelbagai rancangan penulisan. Untuk mendapatkan pengetahuan tentang tajuk atau isu yang akan ditulis, pelbagai rancangan penulisan perlu dilaksanakan. Dalam konteks kajian ini, proses Pra-PdPc penulisan karangan merupakan salah satu rancangan penulisan yang dijalankan oleh keempat-empat responden kajian untuk membolehkan murid memperoleh pelbagai pengetahuan dan informasi yang relevan dengan tugas mereka, iaitu penulisan karangan.

Proses Pra-PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM ialah proses yang dilaksanakan sebelum pengajaran karangan di dalam bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan, sebelum memulakan pengajaran karangan di dalam bilik darjah, keempat-empat responden memastikan murid membuat persediaan dengan mencari maklumat yang berkaitan dengan tajuk karangan yang diberi. Pencarian maklumat membolehkan mereka memperoleh pengetahuan dan informasi yang diperlukan untuk penulisan karangan.

Hasil kutipan data kajian menunjukkan bahawa keempat-empat responden kajian meminta murid mencari bahan bacaan yang berkaitan dengan tajuk karangan daripada pelbagai sumber. Murid akan hanya diberi tema karangan tersebut tanpa tajuk karangan yang lengkap. Pandangan tentang pencarian dan pengumpulan maklumat dijelaskan oleh keempat-empat responden:

Guru T: *Sebelum mengajar karangan, saya akan meminta pelajar untuk mencari dan membaca bahan-bahan yang berkaitan dengan isu stres. Pelajar boleh mencari bahan-bahan menerusi Internet. Bahan-bahan tersebut boleh terdiri daripada artikel, berita, kajian dan sebagainya (RBGT).*

Guru M: *Saya akan meminta pelajar untuk mencari bahan-bahan yang berkaitan seperti artikel akbar, rencana dalam majalah atau bahan bacaan yang diperoleh daripada Internet. Saya hanya akan*

*memberikan satu isu yang perlu dicari oleh pelajar. Saya tidak akan memberikan tajuk karangan terlebih dahulu (RBGM).*

Guru S: *Sebelum memulakan PdPc penulisan karangan, saya akan meminta pelajar untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan penggunaan telefon bimbit, sama ada rencana, keratan akhbar atau apa-apa sahaja bahan bacaan yang relevan menerusi Internet. Pelajar tidak akan diberi tajuk karangan yang sebenarnya dalam proses persediaan ini (RBGS).*

Guru L: *Saya akan meminta pelajar mencari maklumat yang berkaitan dengan topik karangan yang akan ditulis. Biasanya pelajar akan mencari bahan-bahan tersebut dari Internet kerana lebih mudah dan menjimatkan masa. Saya akan memberikan tema karangan kepada pelajar, bukan tajuk karangan. Misalnya isu warisan budaya bangsa (RBGL).*

Dapatan kajian menunjukkan, selepas mendapatkan bahan bacaan yang berkaitan, murid perlu membaca dan memahaminya bahan tersebut. Murid juga dikehendaki mencari isi-isi penting yang relevan dengan tajuk karangan daripada bahan tersebut. Selain isi-isi penting, murid juga perlu mengenal pasti fakta penting yang boleh dijadikan sebagai contoh dalam karangan mereka, misalnya nama agensi kerajaan, tokoh, dan acara penting. Pembacaan sebegini dapat memperkaya ilmu murid untuk menghasilkan karangan yang lebih berkualiti dan meyakinkan.

Penerapan KBAT yang dilaksanakan semasa Pra-PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM ialah kemahiran aras berfikir mengaplikasi dan menganalisis. Aras berfikir mengaplikasi dapat diterapkan apabila murid menggunakan kemahiran membaca yang telah dikuasai oleh mereka untuk membaca bahan-bahan seperti artikel dan keratan akhbar. Dalam konteks ini, murid membaca bahan bacaan secara mendalam dan teliti untuk memahami isi kandungannya secara menyeluruh.

Selepas membuat pembacaan secara teliti dan memahami bahan bacaan tersebut, murid perlu menganalisis isi kandungan teks. Hal ini dilakukan dengan menandakan isi-isi penting atau fakta yang terkandung dalam teks tersebut. Setelah isi-isi penting dikenal pasti, murid membuat catatan ringkas untuk merumuskan isi kandungan teks. Hasil kutipan data daripada artikel dan keratan akhbar yang digunakan oleh murid sebagai sumber rujukan dalam penulisan karangan dapat menjelaskan penerapan kemahiran aras berfikir mengaplikasi dan menganalisis.

Jadual 1.

*Penerapan KBAT dalam Pra-PdPc Penulisan Karangan Bahasa Melayu SPM*

Aras Berfikir	Responden Kajian			
	Guru T (RBGT)	Guru M (RBGM)	Guru S (RBGS)	Guru L (RBGL)
Mengaplikasi	murid membaca dan memahami isi kandungan teks dengan menandakan isi-isi penting dalam rencana tersebut	murid menggunakan kemahiran membaca untuk meneliti keratan akhbar tersebut agar dapat memahami isi kandungan bahan bacaan tersebut.	Murid menggariskan isi-isi penting yang terdapat dalam artikel, iaitu kesan penggunaan telefon pintar terhadap pelajar	murid membaca dan meneliti isi kandungan artikel dengan mengenal pasti isi-isi penting dalam teks tersebut
Menganalisis	murid mengkategorikan isi-isi penting tersebut kepada statistik masalah mental, program untuk menangani masalah mental dan peranan ibu bapa untuk menangani masalah mental anak.	murid telah mencerakinkan isi kandungan teks tentang geopark kepada tiga aspek, iaitu contoh geopark di Malaysia, fungsi geopark dan pembangunan geopark.	murid menganalisis kesan penggunaan telefon pintar dan membahagikan-nya kepada dua kesan, iaitu kesan positif dan kesan negatif	murid mengelompokkan isi-isi penting tersebut kepada contoh budaya bangsa dan usaha memperkenalkan budaya bangsa

**Penerapan KBAT Semasa PdPc Penulisan Karangan Bahasa Melayu SPM.** Dalam konteks kajian ini, pelaksanaan proses semasa PdPc penulisan karangan adalah berdasarkan proses penulisan dalam Model Flower dan Hayes (1981). Model tersebut menjelaskan proses penulisan merangkumi tiga proses utama iaitu perancangan, penterjemahan dan penelitian. Pelaksanaan proses semasa PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM dalam kajian ini adalah berdasarkan proses perancangan dalam Model Flower dan Hayes (1981) yang merangkumi proses menjana idea dan mengorganisasi idea serta proses penterjemahan idea, iaitu penulisan idea dalam bentuk perkataan, frasa dan ayat.

**Penerapan KBAT Dalam Proses Menjana Idea Semasa PdPc Penulisan Karangan Bahasa Melayu SPM.** Dapatan kajian daripada empat responden menunjukkan bahawa proses menjana idea semasa PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM di dalam kelas dilaksanakan menerusi aktiviti PdPc yang berpusatkan murid, iaitu aktiviti perbincangan meja bulat, pembentangan, dan *Gallery Walk*. Proses menjana idea dilakukan apabila murid berbincang tentang tajuk karangan yang diberi oleh guru dalam kumpulan. Lalu, setiap ahli kumpulan menyumbangkan idea masing-masing untuk dibahaskan agar idea-idea yang dimuktamadkan oleh seluruh ahli kumpulan akan digunakan untuk menghasilkan peta minda. Peta minda yang dihasilkan akan digunakan sebagai bahan untuk aktiviti pembentangan atau *Gallery Walk*. Dalam proses menjana idea, kemahiran berfikir aras tinggi yang terlibat ialah aras mengaplikasi, menganalisis, menilai, dan mencipta seperti di Jadual 2.

Jadual 2.

Penerapan KBAT dalam Proses Menjana Idea PdPc Guru T

Aktiviti PdPc	Aras Kemahiran Berfikir	Aktiviti Penjanaan Idea
Induksi Set	Memahami	<ol style="list-style-type: none"> <li>Sesi soal jawab tentang isu stres Soalan : i) Adakah anda rasa stres? ii) Apakah yang anda faham tentang stres?</li> </ol>
Perbincangan Meja Bulat	Menganalisis  Menilai  Mencipta	<ol style="list-style-type: none"> <li>Tema karangan : stres Kehendak soalan : usaha remaja menangani stres</li> <li>Murid memilih empat idea yang tepat.</li> <li>4 isi karangan :           <ol style="list-style-type: none"> <li>mengenal pasti punca masalah</li> <li>mendekatkan diri dengan Tuhan</li> <li>meluahkan masalah kepada orang yang dipercayai</li> <li>melakukan aktiviti riadah</li> </ol> </li> </ol>
Pembentangan	Mengaplikasi  Menilai	<ol style="list-style-type: none"> <li>Murid membentangkan hasil perbincangan dengan suara yang jelas dan ayat yang lengkap</li> <li>Murid dari kumpulan lain mendengar pembentangan dengan teliti dan memberi komen selepas pembentangan.</li> </ol>

**Penerapan KBAT Dalam Proses Mengorganisasi Idea Semasa PdPc Penulisan Karangan Bahasa Melayu SPM.** Selepas murid menjana idea untuk membentuk isi-isi karangan, proses mengorganisasi idea akan dilaksanakan. Proses mengorganisasi idea merujuk kepada proses menyusun idea dan membentuk kerangka karangan. Dapatan

kajian daripada empat responden menunjukkan bahawa proses mengorganisasi idea semasa PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM di dalam kelas dilaksanakan menerusi aktiviti menghasilkan kerangka karangan berdasarkan hasil perbincangan berkumpulan. Aktiviti PdPc bagi melaksanakan proses mengorganisasi idea dilakukan dalam sesi kedua PdPc penulisan karangan selepas PdPc proses menjana idea. Kemahiran berfikir aras tinggi yang dapat diterapkan menerusi proses mengorganisasi idea ialah aras mengaplikasi, menganalisis, dan mencipta. Berikut ialah proses mengorganisasi idea semasa PdPc penulisan karangan Guru S:

Guru S telah menjalankan PdPc proses mengorganisasi idea dengan tajuk karangan berikut:

*Telefon pintar menunjukkan revolusi yang sangat ketara dalam tempoh dua puluh tahun belakangan ini. Banyak kesan yang timbul daripada penggunaannya yang semakin meluas dalam kalangan masyarakat. Bincangkan kesan-kesan penggunaan telefon pintar.*

Dapatan kajian daripada kerangka karangan yang dihasilkan oleh murid menunjukkan bahawa enam kerangka perenggan telah dibentuk, iaitu perenggan pendahuluan, empat isi karangan, dan penutup.

Kerangka pendahuluan menunjukkan perlaksanaan penerapan aras berfikir menganalisis dan mencipta. Penerapan aras berfikir menganalisis dapat dikesan apabila murid mencerakinkan kesan penggunaan telefon pintar kepada dua kesan, iaitu kesan baik dan kesan buruk. Murid menjelaskan bagaimana penggunaan telefon pintar membawa kebaikan dan keburukan kepada penggunanya. Penerapan aras berfikir mencipta juga berlaku apabila murid mencipta kerangka pendahuluan dengan idea baharu, iaitu teknologi moden membawa kebaikan dan keburukan kepada manusia, begitu juga dengan penggunaan telefon pintar yang membawa kesan baik dan kesan buruk.

Kerangka isi karangan menunjukkan perlaksanaan penerapan aras berfikir menganalisis dan mencipta. Kerangka isi karangan kedua menunjukkan murid menganalisis idea tersebut iaitu penggunaan telefon pintar memudahkan proses berkomunikasi dengan menjelaskan sebab telefon pintar dapat memudahkan komunikasi dan bagaimana ia memudahkan proses tersebut. Murid menyatakan bahawa penggunaan telefon pintar membolehkan seseorang berkomunikasi tanpa mengira masa dan tempat. Untuk menjawab persoalan bagaimana telefon pintar memudahkan proses komunikasi, murid menjelaskan seseorang boleh sentiasa berhubung dengan ahli keluarga jika berada di tempat lain.

Kerangka penutup menunjukkan penerapan aras berfikir mencipta kerana murid telah mengemukakan cadangan bahawa pengguna harus bijak menggunakan telefon pintar kerana teknologi dicipta untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan bukan untuk memalaskan manusia.

**Penerapan KBAT Dalam Proses Penterjemahan Idea Semasa PdPc Penulisan Karangan Bahasa Melayu SPM.** Proses penterjemahan idea dalam konteks kajian ini merujuk kepada proses penulisan karangan yang lengkap, iaitu karangan yang mengandungi perenggan pendahuluan, isi, dan penutup. Dapatan kajian menunjukkan, penulisan karangan yang lengkap dilakukan oleh murid secara individu sebagai kerja rumah. Dapatan kajian daripada empat karangan lengkap mendapatkan aras berfikir mengaplikasi, menganalisis, dan mencipta dapat diterapkan. Penerapan ketiga-tiga aras berfikir ini dapat dijelaskan berdasarkan perenggan pendahuluan, isi, dan penutup dalam empat karangan murid. Berikut ialah penjelasan keempat-empat responden tentang penulisan karangan lengkap:

Guru T: *Pelajar akan menghasilkan karangan secara individu berpandukan rangka karangan yang telah dibuat secara berkumpulan. Pelajar diberi masa 3 atau 4 hari untuk menyiapkan karangan tersebut (RBGT).*

Guru M: *Pelajar menyiapkan kerja rumah, iaitu menulis karangan yang lengkap. Mereka diberi masa 4 hari untuk menyiapkan karangan tersebut (RBGM).*

Guru S: *Pelajar akan menulis karangan secara individu berdasarkan kerangka karangan yang dibuat secara berkumpulan. Pelajar akan diberi masa beberapa hari untuk menyiapkan karangan (RBGS).*

Guru L: *Pelajar menulis karangan secara individu dengan merujuk rangka karangan yang telah dibuat. Tugasan ini diberi sebagai kerja rumah (RBGL).*

**Penerapan KBAT dalam Pasca-PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM.** Pasca-PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM ialah proses yang berlaku selepas pengajaran karangan di dalam bilik darjah dan murid menyiapkan penulisan karangan. Menurut keempat-empat responden, selepas PdPc penulisan karangan di dalam bilik darjah, murid akan menyiapkan karangan mereka dalam tempoh yang ditetapkan. Menurut keempat-empat responden, murid perlu membuat penyemakan secara menyeluruh terhadap karangan yang telah disiapkan sebelum menghantar kepada guru. Aspek-aspek yang perlu diberi perhatian oleh murid semasa penyemakan termasuklah isi, huraiian, tatabahasa, ejaan, tanda baca, dan jumlah perkataan. Penyemakan karangan oleh murid sendiri menjelaskan, penerapan aras berfikir menilai berlaku kerana murid perlu meneliti karangan masing-masing dan menilai ketepatan beberapa aspek penting dalam karangan tersebut sebelum menghantarnya kepada guru untuk penyemakan. Penjelasan keempat-empat orang responden berhubung penyemakan karangan oleh murid sebelum penghantarannya kepada guru adalah seperti berikut:

Guru T: *Ya. Mereka memang diminta menyemak karangan mereka dan selepas itu memurnikan karangan itu sekiranya mereka dapat mengesan kesilapan ejaan, mereka dikehendaki membetulkannya kemudian mereka diminta untuk mengesan atau meminimumkan kesalahan dari segi tatabahasa untuk meningkatkan kualiti karangan dan tujuan kita meminta pelajar menyemak karangan mereka sebelum dihantar ialah pelajar juga dapat mengingat semula isi-isi dan huraiian-huraian yang penting untuk karangan itu (TBGT).*

Guru M: *Yang ini saya rasa semua guru akan buat sama ada guru Matematik, guru Sains termasuk BM sebab semakan sebelum menghantar itu dapat menyelamatkan mereka daripada kesalahan-kesalahan ringkas yang tak patut mereka buat, contoh ejaan yang salah, tatabahasa yang salah. Jadi apabila mereka menyemak, sekurang-kurangnya mereka bukan saja mengenal pasti kesilapan tetapi mendidik diri mereka untuk jadi lebih teliti (TBGM).*

Guru S: *Aspek kesalahan tatabahasa, ejaan. Kalau bahasa tu ada sukar sikitlah. Lihat dari aspek itu. Pemerenggan dia. Jadi kalau ada kesilapan mereka akan maklumkan kepada cikgu dan mereka boleh buat dengan lebih baik (TBGS).*

Guru L: *Saya akan suruh mereka baca sekali lepas tu kira jumlah perkataan supaya mereka mencapai kehendak soalan sebab kadangkala mereka salah kira lepas tu sebab saya nak kurangkan mereka membuat kesilapan, kesalahan ejaan (TBGL).*

## PERBINCANGAN

### **Penerapan KBAT dalam Proses PdPc Penulisan Karangan Bahasa Melayu SPM**

Perbincangan berkenaan penerapan KBAT dalam proses PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM merangkumi tiga peringkat iaitu pra-, semasa, dan pasca-PdPc. Dapatan kajian menunjukkan penerapan KBAT dilakukan dalam ketiga-tiga peringkat proses PdPc penulisan karangan menerusi aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan oleh guru.

**Pra-PdPc Penulisan Karangan Bahasa Melayu SPM.** Dapatan kajian menunjukkan pada peringkat pra-PdPc penulisan karangan, murid perlu mencari maklumat dan pengetahuan yang diperlukan untuk penulisan karangan. Pada peringkat ini, murid hanya diberi tema karangan tersebut tanpa tajuk yang lengkap. Murid perlu mencari maklumat yang berkaitan dengan tema yang diberikan oleh guru, membaca maklumat tersebut, dan memahaminya. Bertepatan dengan aras berfikir dalam Hierarki Aras Berfikir BPK (2014), penerapan aras berfikir mengaplikasi dan menganalisis berlaku dalam proses pencarian maklumat kerana murid perlu menggunakan kemahiran membaca seperti *skimming* dan *scanning* yang telah dikuasai oleh mereka untuk membaca bahan-bahan bacaan seperti artikel dan keratan akhbar. Selepas membaca bahan bacaan, murid perlu menganalisis isi kandungannya untuk mendapatkan isi-isi yang penting dan relevan dengan tema karangan yang diberi oleh guru. Dapatan kajian pada peringkat pra-PdPc penulisan karangan ini menyamai proses permulaan penulisan dalam Model Proses Mengarang Flower dan Hayes (1981). Menurut model tersebut, proses permulaan penulisan bermula daripada ingatan jangka panjang penulis, iaitu ilmu pengetahuan sedia ada dan rancangan penulisan. Dalam proses ini, penulis akan membuat pelbagai perancangan dan menggunakan ilmu pengetahuannya tentang topik yang akan ditulis untuk menghasilkan penulisannya. Selepas membuat perancangan penulisan dan memperoleh ilmu yang berkaitan dengan topik yang akan ditulis, penulis akan beralih kepada proses penulisan.

**Semasa PdPc Penulisan Karangan Bahasa Melayu SPM.** Semasa PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM, keempat-empat peserta kajian memulakan PdPc dengan sesi soal jawab sebagai induksi set. Soalan-soalan yang dikemukakan dapat mencungkil minat murid terhadap isu yang akan dibincangkan dan melatih kemahiran berfikir. Set induksi yang diadakan oleh keempat-empat peserta kajian dapat menerapkan aras berfikir memahami kerana isu yang berkaitan dengan tajuk karangan akan didedahkan kepada murid menerusi sesi soal jawab. Hal ini sejajar dengan aras berfikir memahami dalam Hierarki Aras Berfikir BPK (2014). Apabila menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru, murid dapat memahami isu yang akan dibincangkan dalam aktiviti berkumpulan. Dapatkan kajian ini selari dengan hasil kajian Fatimah Ibrahim & Noor Liza Abdullah (2020). Kajian tersebut menunjukkan, kemahiran teknik penyoalan yang baik ialah sebahagian daripada kemahiran komunikasi lisan. Ia dapat memberi kesan kepada murid dan soalan-soalan yang mendorong mereka untuk berfikir, khususnya soalan bercapah bagi memahami isi pelajaran perlu menjadi fokus dan dikemukakan oleh guru semasa sesi PdP.

Selepas sesi set induksi, peserta kajian melaksanakan aktiviti untuk proses menjana idea. Dapatkan kajian ini menyamai hasil kajian Durga dan Rao (2018) yang menjelaskan bahawa dalam proses menjana idea, murid akan menghubung kait idea-idea dalam bentuk peta minda untuk memudahkan pemahaman sesama ahli kumpulan. Dapatkan kajian menunjukkan, tiga aktiviti dilaksanakan oleh peserta kajian untuk membolehkan murid menjana idea. Aktiviti perbincangan meja bulat yang diadakan membolehkan murid mengemukakan idea masing-masing secara bergilir-gilir. Semasa aktiviti tersebut, aras berfikir menganalisis dapat diterapkan kerana murid perlu menganalisis soalan karangan untuk mengenal pasti tema dan kehendak soalan. Aras berfikir menilai juga dapat diterapkan dengan murid menilai idea-idea yang dikemukakan oleh rakan-rakan dan memilih empat idea yang relevan untuk dicatatkan dalam bentuk peta minda dengan huraian ringkas bagi setiap idea karangan tersebut. Selepas menilai idea rakan-rakan, murid akan membentuk empat isi karangan dengan memurnikan idea-idea yang dikemukakan oleh semua ahli kumpulan. Proses ini menunjukkan aras berfikir mencipta dapat diterapkan.

Selepas perbincangan meja bulat, aktiviti pembentangan diadakan. Aktiviti pembentangan dilakukan secara lisan berpandukan hasil perbincangan dalam bentuk peta minda. Semasa aktiviti tersebut, aras berfikir mengaplikasi dapat diterapkan kerana murid menggunakan kemahiran bertutur untuk membentangkan hasil perbincangan. Murid-murid daripada kumpulan lain yang mendengar pembentangan akan memberi komen selepas sesi pembentangan. Aktiviti ini memperlihatkan penerapan aras berfikir menilai. Selain pembentangan, aktiviti *Gallery Walk* turut diadakan untuk membolehkan murid menilai hasil kerja kumpulan lain. Aras berfikir menilai dapat diterapkan menerusi aktiviti tersebut kerana murid boleh memberi komen terhadap hasil kerja kumpulan lain. Dapatkan kajian bagi proses menjana idea juga sejajar dengan pembelajaran koperatif. Ini adalah melalui kaedah PdPc dalam kumpulan yang membolehkan murid belajardan membantu bersama-sama untuk menyelesaikan sesuatu tugas (KPM, 2018). Pembelajaran koperatif membolehkan ahli kumpulan bekerja dan berkongsi idea, bahan dan peralatan untuk mencapai matlamat sendiri dan kumpulan. Pembelajaran koperatif dapat menghasilkan tugas kumpulan, lantas mewujudkan interaksi, semangat bekerja sepasukan, dan latihan kepimpinan. Pendekatan ini dilaksanakan di dalam bilik darjah secara dinamik dengan menggerakkan pasukan kecil murid yang akan berinteraksi dan bergantungan antara satu sama lain untuk menghadapi pelajaran mereka. Dapatkan kajian bagi proses menjana idea juga sejajar dengan empat aras berfikir dalam Hierarki Aras Berfikir BPK (2014) iaitu menganalisis, mengaplikasi, menilai, dan mencipta.

Selepas selesai proses menjana idea, murid akan meneruskan perbincangan untuk mengorganisasi idea dalam sesi PdPc yang seterusnya. Proses tersebut melibatkan proses menyusun idea dan membentuk kerangka karangan. Murid membentuk kerangka karangan yang terdiri daripada pendahuluan, empat isi karangan, dan penutup. Dapatkan kajian ini menepati proses mengorganisasi idea dalam Model Proses Mengarang Flower dan Hayes (1981). Selepas menjana idea, penulis akan mengorganisasi idea-idea tersebut dengan memilih dan menyusun idea-idea yang relevan untuk proses seterusnya. Proses mengorganisasi idea dalam kajian ini juga menyamai aras berfikir tinggi seperti yang terkandung dalam Hierarki Aras Berfikir BPK (2014).

Dalam bahagian pendahuluan, aras berfikir mengaplikasi dan mencipta dapat diterapkan. Aras berfikir mengaplikasi diterapkan apabila murid menggunakan pengetahuan sedia ada dan ilmu yang diperoleh daripada pembacaan artikel untuk membentuk kerangka pendahuluan. Aras berfikir mencipta turut dapat diterapkan apabila murid membentuk pendahuluan dengan idea-idea baharu daripada pengetahuan sedia ada dan pembacaan artikel. Dalam bahagian kerangka isi karangan, aras berfikir menganalisis dapat diterapkan apabila murid menganalisis isi

karangan untuk membuat penghuraian isi dengan menjawab persoalan mengapa dan bagaimana seperti yang terdapat dalam panduan membuat huraian isi karangan yang diberikan oleh guru. Murid juga membentuk kerangka isi karangan dengan huraian ringkas bagi setiap isi karangan, dengan aras berfikir yang dapat diterapkan ialah aras mencipta. Dalam bahagian penutup karangan, aras berfikir mencipta dapat diterapkan kerana murid telah membentuk idea baharu dengan mengemukakan cadangan berkaitan dengan isu perbincangan bagi topik karangan yang diberikan oleh guru. Dapatkan kajian bagi proses mengorganisasi idea juga bertepatan dengan hasil kajian Umar Mansyur (2016) menerusi model pembelajaran menulis. Hasil kajian tersebut menunjukkan, dalam proses menulis draf, murid akan menumpukan perhatian untuk mengeluarkan idea-idea tentatif mereka dalam bentuk draf, iaitu penulisan yang tidak menitikberatkan aspek ejaan, penggunaan istilah, atau struktur karangan.

Setelah menyiapkan kerangka karangan, murid akan memulakan proses penterjemahan idea, iaitu proses penulisan karangan yang lengkap secara individu. Dapatkan kajian ini bertepatan dengan proses penterjemahan idea dalam Model Proses Mengarang Flower dan Hayes (1981). Proses penterjemahan berlaku apabila idea-idea yang telah dipilih akan ditulis dalam bentuk patah perkataan, frasa, dan ayat. Penterjemahan dalam konteks kajian ini merujuk kepada penulisan karangan yang lengkap. Murid menggunakan panduan teknik penulisan karangan yang diberikan oleh guru. Berpandukan teknik penulisan tersebut, murid dapat menghasilkan karangan yang lengkap yang mengandungi perenggan pendahuluan, isi, dan penutup.

Dalam bahagian pendahuluan, murid perlu mempunyai pengetahuan tentang isu semasa yang berkaitan dengan soalan karangan dan mengaitkan isu semasa tersebut dengan kehendak soalan. Dalam perenggan isi, murid perlu mengemukakan isi, kemudian menjawab persoalan mengapa, bagaimana, dan mengemukakan contoh yang relevan, menyatakan kesan, serta membuat penegasan isi. Pada bahagian penutup pula, murid perlu merumuskan semua isi karangan dan memberikan cadangan serta harapan mereka terhadap isu yang dibincangkan dalam karangan. Proses penterjemahan idea ini melibatkan penerapan aras berfikir mengaplikasi, menganalisis, dan mencipta, sejarar dengan Hierarki Aras Berfikir BPK (2014). Aras berfikir mengaplikasi dapat diterapkan kerana murid menggunakan pengetahuan sedia ada untuk dikaitkan dengan isu karangan. Murid juga menggunakan peribahasa yang tepat untuk menjelaskan situasi tertentu. Aras berfikir menganalisis diterapkan apabila murid membuat penghuraian isi karangan berpandukan teknik penulisan karangan yang diberikan oleh guru. Berpandukan teknik penulisan tersebut, semasa menghuraikan isi karangan, murid perlu menjawab persoalan mengapa dan bagaimana untuk menjelaskan perkaitan antara huraian dengan isi tersebut. Dalam proses penterjemahan idea, aras berfikir mencipta juga dapat diterapkan kerana setiap pembentukan perenggan karangan yang lengkap merupakan hasil ciptaan murid dengan menggunakan pelbagai aras berfikir, ilmu, dan sumber rujukan yang relevan. Dapatkan kajian ini juga menyamai hasil kajian Umar Mansyur (2016), iaitu pada tahap penerbitan atau penghasilan karangan lengkap, murid boleh mempersembahkan karangan dalam pelbagai bentuk seperti buku, jurnal, laporan, atau pembentangan mengikut kesesuaian kelompok audiens mereka.

**Pasca-PdPc Penulisan Karangan Bahasa Melayu SPM.** Dapatkan kajian menunjukkan, penerapan KBAT turut berlaku selepas PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM. Pasca-PdPc penulisan karangan merupakan proses yang berlaku selepas pengajaran karangan di dalam bilik darjah dan murid telah menyiapkan penulisan karangan. Dalam proses ini, murid membuat penyemakan secara keseluruhan terhadap karangan yang disiapkan sebelum menghantarnya kepada guru. Aspek-aspek yang diteliti dan disemak merangkumi isi, huraian, tatabahasa, ejaan, tanda baca, dan jumlah perkataan. Proses ini menepati proses penelitian dalam Model Proses Mengarang Flower dan Hayes (1981). Proses penelitian melibatkan penilaian dan penyemakan yang dilakukan oleh penulis terhadap hasil penulisan. Yakni, penulis perlu membaca hasil penulisan mereka dengan teliti dan menilainya agar penambahbaikan dapat dilakukan terhadap hasil penulisan tersebut. Penulis boleh mengubah dan membetulkan apa-apa perkara yang terkandung dalam karangan yang telah ditulis. Dapatkan kajian ini juga selari dengan kajian Erkan Cer (2019), iaitu selepas proses menyiapkan penulisan karangan, murid perlu membuat penyemakan daripada aspek ejaan, tanda baca, kesalahan tatabahasa, dan idea-idea karangan yang kurang relevan agar karangan yang dihasilkan lebih berkualiti. Proses Pasca-PdPc penulisan karangan ini juga menepati aras berfikir menilai dalam Hierarki Aras Berfikir BPK (2014). Penerapan aras berfikir menilai berlaku kerana murid perlu menyemak karangan sendiri dengan menilai dan meneliti ketepatan beberapa aspek penting dalam karangan sebelum menghantar karangan tersebut kepada guru untuk penyemakan.

## KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa keempat-empat peserta kajian mempraktikkan PdPc pembelajaran abad ke-21 dalam pengajaran karangan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM ialah aktiviti berpusatkan murid, yakni perbincangan meja bulat, pembentangan, dan *Gallery Walk* yang melibatkan penerapan KBAT. Semua peserta kajian juga menggunakan dua jenis alat berfikir dalam pengajaran karangan iaitu teknik penyoalan bersandarkan Taksonomi Bloom dan tugas menghasilkan peta minda oleh murid. Dalam proses PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM, didapati keempat-empat peserta kajian telah berjaya menerapkan KBAT yang meliputi pelbagai aras berfikir iaitu aras memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai, dan mencipta dalam proses pra-, semasa serta pasca-PdPc. Pendekatan dan teknik yang digunakan oleh keempat-empat peserta kajian dalam PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu SPM boleh digunakan sebagai panduan untuk guru bahasa Melayu dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu SPM.

## RUJUKAN

- Ahmad Fikri Ab. Rahman, & Zamri Mahamod. (2019). Teknik lakaran bersama peta alir i-think meningkatkan kemahiran menjana idea murid etnik Lun Bawang dalam karangan autobiografi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 12 – 22.
- Anthony Aloysius Akup, & Yahya Othman. (2017). Keberkesanan peta pemikiran dalam meningkatkan kemahiran menulis eseai bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Tingkatan 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 44 – 55.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Kurikulum standard sekolah menengah bahasa melayu dokumen standard kurikulum dan pentaksiran Tingkatan 4 dan 5*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bernard Tahim Bael, Suppiah Nachiappan, & Maslinda Pungut. (2021). Analisis kesediaan guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran, pengajaran dan pemudahcaraan abad ke-21. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 5(1), 100-119.
- Durga, S. S., & Rao, C. S. (2018). Developing students' writing skills in English-A process approach. *Journal for Research Scholars and Professionals of English Language Teaching*, 6(2), 1-5.
- Erkan Cer. (2019). The instruction of writing strategies: The effect of the metacognitive strategy on the writing skills of pupils in secondary education. *SAGE Open Journal*, 1-17.
- Farah Aziana Abdul Aziz, & Fadzilah Abd. Rahman. (2018). Sorotan kajian kesediaan dan keperluan guru bahasa Melayu dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di bilik darjah. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9(1), 80-101.
- Flower, L., & Hayes, J.R. (1981). A cognitive process theory of writing. *National Council of Teachers of English*, 32(4), 365-387.
- Hasnah Isnon, & Jamaludin Badusah. (2017). Kompetensi guru bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 56-65.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2022). *Laporan prestasi calon bagi kertas bahasa Melayu SPM*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif*. Universiti Putra Malaysia.
- Marohaini Yusoff. (2004). *Perlakuan dan proses menuulis karangan bahasa Melayu*. Universiti Malaya.
- Marzni Mohamed Mohtar, Rohizani Yaakub, & Fadzilah Amzah. (2018). Cabaran guru bahasa Melayu dalam usaha menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) penulisan karangan argumentatif. *Malaysia Online Journal of Education*, 2(2), 7-14.
- Marzni Mohamed Mohtar. (2018). *Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan penulisan karangan argumentative* [Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia]. Universiti Sains Malaysia.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative research a guide to design and implementation: Revised and expanded from qualitative research case study application in education*. Jossey-Bass.
- Nashran Azizan & Tasnim Lubis. (2017). *Teknik mind mapping dalam pengajaran bahasa di sekolah dasar Muhammadiyah 18 Medan*. Universitas Katolik Indonesia Atma Jaya.
- Nor Hasmaliza Hasan, & Zamri Mahamod. (2016). Persepsi guru bahasa Melayu sekolah menengah terhadap kemahiran berfikir aras tinggi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 78-90.

- Shahlan Surat & Saemah Rahman. (2017). *Strategi metakognitif dalam penulisan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syazana Sahari, & Zamri Mahamod. (2018). Persepsi guru bahasa Melayu sekolah rendah daerah Sri Aman terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *International Journal of the Malay World Civilisastion*, 6(1),63-78
- Tri Puji Lestari. (2019). Peningkatan keterampilan menulis karangan narasi melalui metode mind mapping pada siswa kelas V. *Jurnal Sekolah Dasar: Kajian Teori dan Praktik Pendidikan*, 28(1), 37-42.
- Ugartini Magesvaran, Zamri Mahamod, Irna Mahad & Intan Nur Syuhada. (2021). *Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu pelajar tingkatan tiga di sekolah menengah San Min (Suwa) Teluk Intan (sekolah persendirian Cina)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Umar Mansyur. (2016). Inovasi pembelajaran bahasa Indonesia melalui pendekatan proses. *Jurnal Retorika*, 9(2), 90-163.
- Wahyuni, O., Martono, & Agus, W. (2016). Penerapan teknik Brainwriting untuk meningkatkan menulis wacana narasi pada siswa kelas XI THPH SMK. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*, 1-15.
- Wan Nor Shairah Sharaji & Norazah Mohd Nordin. (2017). Kesediaan guru dalam pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman, Y. (2003). Pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 3(1), 136–159.